



# **SIARAN MEDIA**

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **PTPTN SANTUNI WARIS PENDEPOSIT SIMPAN SSPN PELIHARA LEGASI PENDIDIKAN ANAK**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini telah menyantuni waris kepada pendeposit Simpan SSPN Plus, Allahyarhamah Ainur Mahdiah Zahra binti Abdullah @ Paullina Oppei Paulus menerusi Program Ziarah Kasih Simpan SSPN. Program ini merupakan manifestasi keprihatinan PTPTN dalam memastikan kebajikan serta kesejahteraan waris pendeposit terus diberi perhatian, di samping menyampaikan manfaat perlindungan takaful yang disediakan di bawah produk Simpan SSPN.
2. Sesi ziarah dan penyerahan manfaat perlindungan takaful telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Mastura binti Mohd Khalid, Ketua Pegawai Operasi PTPTN kepada suami Allahyarhamah, Encik Mohd Zaidi bin Abu Husin, Pengurus Jabatan Kreatif Al Hijrah Media Corporation. Turut hadir sama YBrs. Puan Nadzariah binti Mohamed, Ketua Pegawai Operasi Al Hijrah Media Corporation serta Pengurusan PTPTN dan Al Hijrah Media Corporation.
3. Allahyarhamah Ainur Mahdiah Zahra binti Abdullah @ Paullina Oppei Paulus merupakan Pengurus Unit Integrasi Media, Kumpulan Integrasi Media dan Hal Ehwal Korporat Al Hijrah Media Corporation telah kembali ke rahmatullah pada 17 Disember 2024 akibat serangan jantung. Beliau merupakan pendeposit Simpan SSPN Plus yang telah membuka akaun untuk seorang anak pada 10 Mac 2023. Beliau telah membuka akaun di bawah Pakej Delima dengan komitmen sebanyak RM50.00 sebulan iaitu RM40.00 untuk simpanan dan RM10.00 untuk caruman takaful. Melalui caruman takaful RM10.00 sebulan, beliau sebagai pendeposit Simpan SSPN Plus telah mendapat manfaat perlindungan takaful (kematian biasa) sebanyak RM25,000.00 dan khairat kematian berjumlah RM2,800.00. Maka jumlah keseluruhan manfaat yang diterima oleh pendeposit adalah sebanyak RM28,000.00.
4. Ketua Pegawai Operasi PTPTN, YBrs. Puan Mastura binti Mohd Khalid berkata, "PTPTN bukan sahaja menyediakan platform simpanan pendidikan yang sistematik, malah turut menawarkan perlindungan takaful menerusi Simpan SSPN Plus sebagai nilai tambah yang dapat membantu meringankan beban kewangan keluarga pendeposit sekiranya berlaku musibah. Melalui Program Ziarah Kasih Simpan SSPN, kami berharap sumbangan

dan manfaat yang disampaikan ini sedikit sebanyak dapat memberi sokongan moral serta membantu waris meneruskan kehidupan dengan lebih tenang.”

5. “Simpan SSPN Plus bukan sekadar instrumen simpanan pendidikan untuk masa hadapan anak-anak, malah turut menyediakan pelbagai manfaat perlindungan yang komprehensif kepada pendeposit dan keluarga mereka. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi PTPTN untuk membudayakan amalan menabung di samping menyediakan jaringan perlindungan kewangan yang memberi nilai tambah kepada masyarakat,” tambah beliau lagi.

6. PTPTN mempunyai dua (2) produk simpanan iaitu Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus yang menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat. Keistimewaan Simpan SSPN Prime ialah perlindungan takaful percuma secara Ringgit ke Ringgit kepada pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas sekiranya berlaku kematian/ ilat kekal menyeluruh kepada mereka. Selain itu, pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, Geran Sepadan sehingga RM10,000.00 bagi satu keluarga yang layak, dividen yang kompetitif, patuh syariah dan simpanan dijamin Kerajaan.

7. Produk Simpan SSPN Plus pula menawarkan enam (6) pakej serendah RM30 sebulan (Pakej Intan) hingga RM500 sebulan (Pakej Berlian) dengan manfaat tambahan seperti manfaat perlindungan takaful sehingga RM1.2 juta, manfaat khairat kematian kepada pendeposit, pasangan dan anak-anak maksimum lima (5) orang anak, manfaat takaful penyakit kritikal, elaun kemasukan hospital, perlindungan takaful sehingga umur pendeposit 69 tahun dan manfaat ini tertakluk kepada pakej yang dipilih dan Syarikat Pengendali Takaful yang dipilih oleh pendeposit. Selain itu, pembukaan akaun Simpan SSPN Plus tidak memerlukan pemeriksaan kesihatan kecuali pakej Berlian, hanya perlu menjawab tiga (3) soalan kesihatan.

8. Pembukaan dan penambahan akaun Simpan SSPN boleh dibuat melalui aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat. Maklumat lanjut Simpan SSPN boleh diperolehi melalui portal rasmi [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).

Diedarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**  
**22 Jun 2026**

*Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)*